

17 SEP 2002

Koding-Meninggal

MARK KODING MENINGGAL DUNIA DI DUSUN

KOTA KINABALU, 17 Sept (Bernama) -- Pengerusi Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan bekas Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mark Koding, meninggal dunia di sebuah rumah di dusunnya di Kampung Matan dekat Ranau, 120km dari sini hari ini.

Beliau berumur 51 tahun.

Ketua Polis Daerah Ranau ASP Dzulbaharin Ismail berkata Koding ditemui terbaring di atas katil pada 4.15 petang tadi.

Sebelum itu, adik perempuan beliau telah pergi ke balai polis daerah meminta polis memeriksa mendiang yang tidak bergerak selepas tidur sejak beberapa jam.

Dzulbaharin berkata polis telah membawa Koding ke Hospital Daerah Ranau tetapi dia disahkan meninggal dunia semasa tiba pada pukul 4.45 petang.

Polis mengklasifikasikan kematian beliau sebagai mati secara normal kerana tiada kecederaan ditemui pada tubuhnya.

Koding, lulusan Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya pada 1976, pernah menjadi seorang majistret sebelum menceburi politik 1978 apabila bertanding dan memenangi kawasan Parlimen Kinabalu sebagai calon Parti Berjaya.

Beliau menewaskan Datuk Ghani Gilong yang ketika itu mewakili Usno.

Beberapa tahun kemudian beliau meninggalkan Berjaya dan menjadi seorang daripada pengasas Parti Bersatu Sabah (PBS) yang diketuai Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Koding kemudian menjadi Timbalan Ketua Menteri selepas memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Ranau pada pilihan raya negeri 1985 yang menyaksikan PBS mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri selepas menumbangkan kerajaan Berjaya.

Bagaimanapun Koding meninggalkan PBS pada 1989 dan beliau serta beberapa pemimpin menubuhkan parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) pada tahun berikutnya.

Beliau memegang jawatan presiden parti itu sehingga tahun 1997 apabila meletak jawatan dan diganti oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

(Akar dibubarkan secara rasmi tahun lepas dan Pandikar serta anggota-anggota parti itu menyertai Umno.)

Pada 1998, Koding meninggalkan Akar untuk menyertai semula PBS tetapi semasa kempen pilihan raya negeri 1999, beliau menyertai Umno dan secara peribadi menyerahkan borang permohonan keanggotaan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kinarut, dekat sini.

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah tahun ini. Koding meninggalkan seorang isteri dan empat orang anak.

-- BERNAMA

JS MK MOZ